

PENGETAHUAN PEDAGOGIKAL KANDUNGAN (PPK) PENGAJARAN
TAJWID AL-QURAN DALAM KALANGAN GURU KELAS KHAS
KEMAHIRAN MEMBACA DAN MENGHAFAZ
AL-QURAN (KKQ) DI LEMBAH KLANG

JAHIDIH SAILI

TESIS YANG DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI
SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH
SARJANA PENDIDIKAN ISLAM
(MOD PENYELIDIKAN)

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan pedagogikal kandungan bagi pengajaran tajwid al-Quran dalam kalangan guru KKQ di Lembah Klang. Kajian kuantitatif ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan dan data kajian diperolehi dengan menggunakan sebuah instrumen soal selidik. Seramai 43 orang guru KKQ terlibat dalam kajian ini. Kesahan data ditentukan dengan menubuhkan panel rujukan pakar. Data dianalisis secara deskriptif dan inferensi untuk mendapatkan nilai kekerapan, peratus, min, sisihan piawai, ujian-t dan ANOVA. Melalui kajian rintis yang dijalankan, kebolehpercayaan alat kajian berdasarkan alfa Cronbach didapati berada pada tahap tinggi iaitu >0.80 . Secara keseluruhannya, guru KKQ mempunyai tahap pengetahuan pedagogikal kandungan yang tinggi dalam kelima-lima elemen pengetahuan pedagogikal kandungan pengajaran tajwid al-Quran iaitu elemen pengetahuan isi kandungan, pengetahuan pedagogi, pengetahuan terhadap pelajar, pengetahuan kurikulum dan kemahiran al-Quran guru. Analisis ujian-t merentas jantina, latar belakang universiti, sijil bersanad dan lokasi sekolah menunjukkan perbezaan signifikan hanya wujud dalam aspek jantina iaitu tahap pengetahuan pedagogikal kandungan guru lelaki lebih tinggi daripada tahap pengetahuan pedagogikal kandungan guru perempuan. Manakala analisis ANOVA dalam aspek pengalaman mengajar pula mendapati tidak terdapat perbezaan signifikan bagi tahap pengetahuan pedagogikal kandungan guru dalam aspek ini. Oleh itu, tahap pengetahuan pedagogikal kandungan pengajaran tajwid al-Quran dalam kalangan guru KKQ perlu ditingkatkan dari semasa ke semasa. Perbezaan guru KKQ berdasarkan aspek jantina pula perlu dijadikan sebagai pertimbangan penting oleh pihak berwajib dalam mengendalikan sebarang isu dan perancangan berkaitan pelajaran tajwid al-Quran.



**PEDAGOGICAL CONTENT KNOWLEDGE (PCK) IN THE QURAN
TAJWEED LEARNING FOR RECITATION AND MEMORIZATION
AMONG TEACHERS IN QURAN CLASS (KKQ) IN
KLANG VALLEY**

ABSTRACT

This research identified the level of pedagogical content knowledge for Quran Tajweed learning among the KKQ teachers in Klang Valley. This quantitative research employed a survey design and the survey data were obtained by using the questionnaire instrument. A total of 43 KKQ teachers were involved in this research. The validity of the data was determined by establishing reference from a panel of experts. The quantitative data were analysed descriptively and were inferred to obtain frequency, percentage, mean, standard deviation, differences, t-test, and ANOVA results. As a result, it was found that the reliability of the instrument that was assessed via alpha Cronbach had been high, which was >80 . Overall, the KKQ teachers had high level of pedagogical content knowledge in the five elements of pedagogical content knowledge for Quran Tajweed learning namely the elements of content knowledge, pedagogical knowledge, knowledge about student, curriculum knowledge, and the Quran Tajweed skills among teachers. The analysis of t-test across gender, university background, chained diplomas, and locations of schools portrayed that a significant difference only existed in the gender aspect, whereby it was revealed that the male teachers possessed higher level of pedagogical content knowledge than the female teachers. Meanwhile, the analysis of ANOVA in teaching experiences depicted that was insignificant difference for teachers' level. Thus, the pedagogical content knowledge level of Quran Tajweed teaching among the KKQ teachers needs to be enhanced from time to time. The difference identified between the KKQ teachers based on gender aspect should be illustrated as an important consideration by the authorities in handling any issue or plan pertaining to Quran Tajweed lessons.

KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xv
SENARAI RAJAH	xvii
SENARAI SINGKATAN	xviii
PANDUAN TRANSLITERASI	xix
BAB 1	PENDAHULUAN
1.1	Pengenalan 1
1.2	Latar belakang kajian 5
1.3	Pernyataan masalah 8
1.4	Kerangka konseptual kajian 12
1.5	Tujuan kajian 19
1.5.1	Objektif kajian 19
1.5.2	Soalan kajian 20
1.5.3	Hipotesis kajian 20
1.6	Kepentingan kajian 21
1.7	Batasan kajian 23
1.7.1	Fokus kajian 23

1.7.2	Lokasi dan jenis sekolah	23
1.7.3	Subjek kajian	23
1.8	Huraian istilah	24
1.8.1	Pengetahuan pedagogikal kandungan (PPK)	24
1.8.2	Pengajaran	24
1.8.3	Tajwid al-Quran	25
1.8.4	Kelas Khas Kemahiran Membaca & Menghafaz al-Quran (KKQ)	25
1.8.5	Kelas Aliran Agama (KAA)	26
1.9	Kesimpulan	26
BAB 2	TINJAUAN LITERATUR	
2.1	Pengenalan	27
2.2	Kelas Khas Kemahiran Membaca & Menghafaz al-Quran (KKQ) di Malaysia	28
2.2.1	Pengenalan	28
2.2.2	Sejarah penubuhan KKQ	29
2.2.3	Matlamat penubuhan KKQ	31
2.2.4	Sukatan KKQ	31
2.2.5	Status KKQ	34
2.2.6	Status guru KKQ	35
2.2.7	Status pelajar KKQ	36
2.2.8	Peperiksaan dan pensijilan KKQ	37
2.2.9	Jadual waktu KKQ	39
2.2.10	Sistem pemarkahan KKQ	40

2.2.1.1	Harapan pihak KPM daripada penubuhan KKQ	40
2.3	Model pengetahuan pedagogikal kandungan (PPK)	
	al-Qabisi dan Ibnu Khaldun	41
2.3.1	Pengetahuan isi kandungan	42
2.3.2	Pengetahuan pedagogi	44
2.3.3	Pengetahuan terhadap pelajar	49
2.3.4	Pengetahuan kurikulum	52
2.4	Pengetahuan pedagogikal kandungan (PPK)	57
2.4.1	Pengetahuan isi kandungan	60
2.4.2	Pengetahuan pedagogi	63
2.4.3	Pengetahuan terhadap pelajar	66
2.4.4	Pengetahuan kurikulum	71
2.4.5	Kemahiran al-Quran guru	76
2.5	Faktor pemboleh ubah tidak bersandar	83
2.6	Kajian berkaitan	84
2.6.1	Kajian pengajaran al-Quran dalam KKQ	84
2.6.2	Kajian pengetahuan pedagogikal kandungan	87
2.7	Penutup	91

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	92
3.2	Reka bentuk kajian	93
3.3	Lokasi kajian	94
3.4	Populasi dan sampel kajian	95
3.5	Instrumen kajian	98

3.5.1	Soal selidik	98
3.5.1.1.1	Soal selidik guru	99
3.6	Kesahan instrumen kajian	101
3.7	Kajian rintis	104
3.8	Kebolehpercayaan instrumen kajian	105
3.9	Prosedur pengumpulan data kajian	107
3.9.1	Pengumpulan soal selidik	107
3.10	Tatacara analisis data	108
3.10.1	Analisis data kuantitatif	109
a.	Analisis deskriptif	109
b.	Analisis statistik inferensi	110
3.11	Penutup	111
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pengenalan	112
4.2	Profil responden kajian	113
4.2.1	Profil guru KKQ	113
4.3	Analisis deskriptif	115
4.3.1	Tahap pengetahuan pedagogikal kandungan (PPK) guru KKQ dalam pengajaran tajwid al-Quran	115
4.3.1.1	Pengetahuan isi kandungan	115
4.3.1.1.1	Kesediaan guru	116
4.3.1.1.2	Persepsi terhadap KKQ	117
4.3.1.1.3	Pengetahuan substantif	119

4.3.1.1.4	Pengetahuan sintaktik	120
4.3.1.1.5	Penguasaan ilmu kandungan	
	dan sukatan	122
4.3.1.1.6	Penguasaan disiplin ilmu yang	
	berkaitan	123
4.3.1.2	Pengetahuan pedagogi	125
4.3.1.2.1	Penyampaian guru	125
4.3.1.2.2	Pengajaran bertahap	127
4.3.1.2.3	Memotivasikan pelajar	129
4.3.1.2.4	Pendekatan pengajaran	130
4.3.1.2.5	Kaedah pengajaran	133
4.3.1.2.6	Teknik pengajaran	136
4.3.1.3	Pengetahuan terhadap pelajar	137
a.	Maklumat umum tentang pelajar	138
b.	Pengetahuan tentang kognitif pelajar	139
c.	Pengetahuan tentang sosio emosi pelajar	141
d.	Pengetahuan tentang masalah pembelajaran	
	pelajar	143
e.	Pengetahuan tentang sikap pelajar	144
f.	Pengetahuan tentang tahap kemahiran	
	al-Quran pelajar	146
4.3.1.4	Pengetahuan kurikulum	148
a.	<i>Taşawwur</i> kurikulum	148
b.	Kesinambungan kurikulum	149
c.	Pelaksanaan kurikulum	151

d. Kandungan sukatan pelajaran	153
--------------------------------	-----

4.3.1.5 Kemahiran al-Quran guru	154
---------------------------------	-----

a. Kemahiran lisan	154
--------------------	-----

b. Kelancaran bacaan	156
----------------------	-----

c. Kemahiran <i>fasaḥat</i>	157
-----------------------------	-----

d. Tilawah bertajwid	158
----------------------	-----

e. Kemahiran <i>Qir'ā'at</i> & bacaan secara <i>Tadwīr</i> dan <i>Tartīl</i>	160
---	-----

4.3.2 Rumusan tahap PPK guru KKQ	161
----------------------------------	-----

4.4 Analisis statistik inferensi	163
----------------------------------	-----

4.4.1 Normaliti data	163
----------------------	-----

4.4.2 Analisis perbezaan	164
--------------------------	-----

4.4.2.1 Analisis perbezaan berdasarkan demografi	165
--	-----

4.4.2.1.1 Perbezaan skor min tahap PPK berdasarkan jantungina	165
--	-----

4.4.2.1.2 Perbezaan skor min tahap PPK berdasarkan latar belakang universiti	166
---	-----

4.4.2.1.3 Perbezaan skor min tahap PPK berdasarkan sijil bersanad	167
--	-----

4.4.2.1.4 Perbezaan skor min tahap PPK berdasarkan lokasi sekolah	167
--	-----

4.4.2.1.5 Perbezaan skor min tahap PPK berdasarkan pengalaman mengajar	168
---	-----

4.4 Penutup	169
-------------	-----

BAB 5 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	171
5.2	Ringkasan kajian	171
5.3	Perbincangan dapatan kajian	173
5.3.1	Analisis deskriptif	173
5.3.1.1	Pengetahuan isi kandungan	173
a.	Kesediaan guru	175
b.	Persepsi terhadap KKQ	176
c.	Pengetahuan substantif	177
d.	Pengetahuan sintaktik	178
e.	Penguasaan ilmu kandungan dan sukatan	179
f.	Penguasaan disiplin ilmu yang berkaitan	180
5.3.1.2	Pengetahuan pedagogi	180
a.	Penyampaian guru	181
a.	Pengajaran bertahap	182
b.	Memotivasikan pelajar	183
c.	Pendekatan pengajaran	184
d.	Kaedah pengajaran	185
e.	Teknik pengajaran	187
5.3.1.3	Pengetahuan terhadap pelajar	188
a.	Maklumat umum tentang pelajar	189
b.	Pengetahuan tentang kognitif pelajar	189
c.	Pengetahuan tentang sosio emosi pelajar	191
d.	Pengetahuan tentang masalah pembelajaran pelajar	192

e. Pengetahuan tentang sikap pelajar terhadap pelajaran tajwid al-Quran	193
f. Pengetahuan tentang tahap kemahiran al-Quran pelajar	194
5.3.1.4 Pengetahuan kurikulum	196
a. <i>Taşawwur</i> kurikulum	197
b. Kesenambungan kurikulum	198
c. Pelaksanaan kurikulum	199
d. Kandungan sukatan pelajaran	200
5.3.1.5 Kemahiran al-Quran guru	201
5.3.2 Analisis inferensi	204
5.3.2.1 Analisis perbezaan	204
a. Perbezaan tahap PPK guru KKQ dalam pengajaran tajwid al-Quran berdasarkan jantina	204
b. Perbezaan tahap PPK guru KKQ dalam pengajaran tajwid al-Quran berdasarkan latar belakang universiti	205
c. Perbezaan tahap PPK guru KKQ dalam pengajaran tajwid al-Quran berdasarkan sijil bersanad	205
d. Perbezaan tahap PPK guru KKQ dalam pengajaran tajwid al-Quran berdasarkan lokasi sekolah	206

e.	Perbezaan tahap PPK guru KKQ dalam pengajaran tajwid al-Quran berdasarkan pengalaman mengajar	206
5.4	Rumusan keseluruhan dan implikasi	207
5.5	Cadangan	211
5.5.1	Cadangan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)	211
5.5.2	Cadangan kepada pihak pentadbir sekolah	213
5.5.3	Cadangan kepada pelaksana PdP tajwid al-Quran	214
5.5.4	Cadangan penyelidikan lanjutan	216
5.6	Penutup	216
	RUJUKAN	217
	LAMPIRAN	243

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
2.1 Sistem pemarkahan KKQ	40
3.1 Item demografi guru KKQ	100
3.2 Item tahap PPK guru KKQ berdasarkan persepsi guru KKQ	101
3.3 Senarai panel rujukan	102
3.4 Nilai <i>factor loading</i> bagi setiap konstruk PPK	103
3.5 Klasifikasi indeks kebolehpercayaan	106
3.6 Nilai pekali kebolehpercayaan <i>Alpha Cronbach</i>	107
3.7 Interpretasi min dimensi tingkah laku efektif	110
3.8 Kaedah analisis statistik inferensi	111
4.1 Profil guru KKQ	114
4.2 Tahap kesediaan guru	116
4.3 Persepsi guru terhadap KKQ	118
4.4 Tahap pengetahuan substantif	120
4.5 Pengetahuan sintaktik	120
4.6 Tahap penguasaan ilmu kandungan dan sukatan	122
4.7 Tahap penguasaan disiplin ilmu lain yang berkaitan	124
4.8 Tahap penyampaian guru berdasarkan persepsi guru	126
4.9 Tahap pengetahuan pengajaran secara bertahap	128
4.10 Tahap pengetahuan memotivasikan pelajar	129
4.11 Tahap pengetahuan pendekatan pengajaran	132
4.12 Tahap pengetahuan kaedah pengajaran	134
4.13 Tahap pengetahuan teknik pengajaran	136

4.14	Tahap pengetahuan mengenai maklumat umum tentang pelajar	139
4.15	Tahap pengetahuan tentang kognitif pelajar	140
4.16	Tahap pengetahuan sosio emosi pelajar	142
4.17	Tahap pengetahuan tentang masalah pembelajaran pelajar	143
4.18	Tahap pengetahuan tentang sikap pelajar terhadap pelajaran tajwid al-Quran	145
4.19	Tahap pengetahuan tentang tahap kemahiran tajwid al-Quran pelajar	147
4.20	Tahap pengetahuan <i>taṣawwur</i> kurikulum	149
4.21	Tahap pengetahuan kesinambungan kurikulum	150
4.22	Tahap pengetahuan pelaksanaan kurikulum	152
4.23	Tahap pengetahuan kandungan sukatan pelajaran	153
4.24	Tahap kemahiran lisan berdasarkan persepsi guru	155
4.25	Tahap kelancaran bacaan	156
4.26	Tahap kemahiran <i>faṣaḥat</i>	158
4.27	Tahap kemahiran tilawah bertajwid	159
4.28	Tahap kemahiran <i>qirā'at</i> & bacaan secara <i>tadwīr</i> dan <i>tartīl</i>	160
4.29	Tahap pengetahuan pedagogikal kandungan	162
4.30	Normaliti data bagi analisis perbezaan (sampel guru)	164
4.31	Ujian- <i>t</i> perbezaan tahap PPK berdasarkan jantina	166
4.32	Ujian- <i>t</i> perbezaan tahap PPK berdasarkan latar belakang universiti	166
4.33	Ujian- <i>t</i> perbezaan tahap PPK berdasarkan sijil bersanad	167
4.34	Ujian- <i>t</i> perbezaan tahap PPK berdasarkan lokasi sekolah	168
4.35	ANOVA sehalu tahap PPK berdasarkan pengalaman mengajar	169

SENARAI RAJAH

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Rajah	Tajuk	Muka surat
1.1	Kerangka teori pengetahuan pedagogikal kandungan (PPK) Shulman (1986), Ibnu Khaldun (2000) & al-Qabisi (1955)	15
1.2	Kerangka konseptual kajian pengetahuan pedagogikal kandungan guru KKQ dalam pengajaran tajwid al-Quran	18

SENARAI SINGKATAN

PdP – Pengajaran dan Pembelajaran

PPK – Pengetahuan Pedagogikal Kandungan

KKQ – Kelas Khas Kemahiran Membaca & Menghafaz al-Quran

JAPIM – Jabatan Pendidikan Islam dan Moral

KPM – Kementerian Pendidikan Malaysia



PANDUAN TRANSLITERASI

Konsonan

Huruf Arab	Nama dan Transliterasi	Huruf Arab	Nama dan Transliterasi
ء	' (<i>Hamzat</i>)	ط	t
ب	b	ظ	z
ت	t	ع	`
ث	th	غ	gh
ج	j	ف	f
ح	h	ق	q
خ	kh	ك	k
د	d	ل	l
ذ	dh	م	m
ر	r	ن	n
ز	z	ه	h
س	s	و	w
ش	sy	ي	y
ص	ṣ	ة	ṭ
ض	ḍ		

Vokal dan Diftong

Vokal Pendek	Transliterasi	Vokal Panjang	Transliterasi	Diftong	Transliterasi
-----	a	ا	ā	-- و	aw
-----	i	ي	ī	-- ي	ay
-----	u	و	ū	وْ	aww
				يْ	Ay/ī

Ejaan dan Transliterasi

- a. Tanwin dieja tidak mengikut sebutan tetapi mengikut tulisan. Contohnya sur'ah (سرعة) .
- b. Alīf Lām ditransliterasi sebagai al- (sama ada bagi Lām Shamsiyyah atau Qamariyyah) yang dihubungkan dengan kata berikutnya dengan tanda sempang. “a” dalam al tidak menerima hukum huruf besar menurut pedoman umum ejaan Bahasa Malaysia. Sebaliknya hukum huruf besar terpakai kepada huruf pertama kata berikutnya.
- c. Istilah sesuatu perkataan yang berasal daripada Bahasa Arab tetapi telah menjadi sebutan umum Bahasa Malaysia adalah dieja mengikut perkataan Bahasa Malaysia. Semua perkataan Arab / Inggeris (bahasa asing) adalah dicondongkan kecuali nama khas.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pengajaran merupakan satu proses penyampaian ilmu daripada seorang guru kepada pelajar. Proses ini lazimnya melibatkan pelbagai aktiviti seperti perancangan, pelaksanaan, penilaian dan maklum balas (Rohizani, Shahabuddin & Mohd. Zohir, 2003). Ia perlu dirancang sebaik mungkin untuk menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang efektif di dalam bilik darjah (as-Syaibany, 1991).

Sebagai orang Islam, kita meyakini bahawa Nabi Muhammad SAW merupakan guru dan pendidik teragung sepanjang zaman (Abdul Fattah, 2011). Antara tujuan kerasulan baginda ialah mendidik manusia sebagaimana firman Allah SWT:

هُوَ الَّذِي بَعَثَ فِي الْأُمِّيِّينَ رَسُولًا مِّنْهُمْ يَتْلُو عَلَيْهِمْ آيَاتِهِ وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِنْ كَانُوا مِن قَبْلُ لَفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ ﴿٦٢﴾

Maksudnya: "Dialah yang mengutus kepada kaum yang buta huruf seorang Rasul di antara mereka, yang membacakan ayat-ayat-Nya kepada mereka, menyucikan mereka dan mengajarkan mereka Kitab dan Hikmah (as-Sunnah), dan sesungguhnya mereka sebelumnya benar-benar dalam kesesatan yang nyata."

(Surah al-Jumu'at 62: 2)

Dalam surah yang lain Allah SWT berfirman:

مَا أَصَابَكَ مِنْ حَسَنَةٍ فَمِنَ اللَّهِ وَمَا أَصَابَكَ مِنْ سَيِّئَةٍ فَمِنَ نَفْسِكَ وَأَرْسَلْنَاكَ لِلنَّاسِ رَسُولًا وَكَفَى بِاللَّهِ شَهِيدًا ﴿٧٩﴾

Maksudnya: "Apa saja nikmat yang kamu peroleh adalah dari Allah, dan apa saja bencana yang menimpamu maka dari (kesalahan) dirimu sendiri. Kami mengutusmu menjadi Rasul kepada segenap manusia, dan cukuplah Allah menjadi saksi."

(Surah al-Nisā' 4: 79)

Keunggulan baginda sebagai seorang pendidik terbukti melalui kejayaan baginda dalam membawa masyarakat jahiliyah kepada masyarakat sejahtera (Ibrahim Mamat, 1997). Walaupun proses ini memakan masa yang lama selama 23 tahun, namun matlamat untuk melahirkan umat yang rabbani dan berilmu akhirnya tercapai. Kejayaan baginda dalam mendidik masyarakat pada ketika itu berkait rapat dengan kebolehan baginda dalam memilih pendekatan yang berkesan dengan kaedah-kaedah pengajaran yang unggul dan tersendiri (Abdul Fattah, 2011).

Kaedah dan teknik yang diterapkan oleh baginda dalam pengajaran mudah difahami oleh minda dan meninggalkan kesan ke dalam hati setiap pelajar (Abdul

Fattah, 2011). Baginda tidak mempunyai satu kaedah dan teknik tertentu yang boleh diaplikasikan dalam setiap pengajaran sebaliknya ia bergantung pada latar belakang pelajar yang diajar (Mohd. Yusuf, 2005). Ini kerana, setiap pelajar berbeza dalam menerima ilmu, perkara baik bagi seseorang pelajar tidak semestinya memberi kesan yang baik kepada pelajar yang lain jika disampaikan dengan menggunakan kaedah yang serupa (Yusuf Al-Qardhawi, 2003). Kefahaman rasulullah mengenai realiti ini memudahkan pelajar dalam menerima dan memahami setiap isi kandungan yang disampaikan oleh baginda (Yusuf al-Qardhawi, 2003).

Antara faktor penting yang sering dipertimbangkan oleh baginda dalam melaksanakan pengajaran ialah, faktor masa, situasi, peristiwa tertentu, kesediaan pelajar, pendekatan pengajaran, kemampuan fikiran pelajar, kesesuaian isi kandungan serta kaedah pengajaran yang sesuai untuk memastikan sesi pengajaran berlangsung dengan lancar dan berkesan (Abdul Fattah, 2011). Riwayat tentang keunggulan Rasulullah sebagai seorang guru dan pendidik banyak dinyatakan dalam pelbagai *ḥadīth*. Antaranya ialah:

قال رسول الله ﷺ: إن الله لم يبعثني معنئاً ولا متعنئاً، ولكن بعثني معلماً ميسراً

Maksudnya: "Sabda Rasulullah SAW: Sesungguhnya Allah Ta'ala tidak mengutuskan aku untuk menyukarkan dan tidak pula sebagai mencari kesilapan dan keaiban orang lain, sebaliknya Allah Ta'ala mengutus aku sebagai guru yang memudahkan."

(Muslim 1984: 1478)

Dalam *hadīth* yang lain diriwayatkan bahawa,

عن معاوية بن الحكم السلمي رضي الله عنه قال: بينا أنا أصلي مع رسول الله ﷺ إذ عطس رجل من القوم فقلت يرحمك الله فرماني القوم بأبصارهم فقلت واثكل أمياه ما شأنكم تنظرون إلي فجعلوا يضربون بأيديهم على أفخاذهم فلما رأيتهم يصمتونني لكني سكت فلما صلى رسول الله ﷺ فبأبي هو وأمي ما رأيت معلما قبله ولا بعده أحسن تعليما منه فوالله ما كهرني ولا ضربني ولا شتمني قال إن هذه الصلاة لا يصلح فيها شيء من كلام الناس إنما هو التسبيح والتكبير وقراءة القرآن

Maksudnya: “Diriwayatkan daripada Sayyidina Mu’awiyah bin Hakam al-Sulaimi, bahawasanya beliau berkata: Tatkala aku sedang bersembahyang bersama Rasulullah, tiba-tiba seorang lelaki bersin, maka aku pun mendoakannya: (Moga Allah Ta’ala merahmatimu). Lalu mereka semua memandangkanku. Aku berkata: Nescaya aku menerima satu bencana pada hari ini dan ibuku kehilanganku, kenapa kalian semua memandangkanku? Lalu mereka semua memukul paha-paha mereka. Maka tatkala aku melihat mereka semua memintaku untuk diam, maka aku diam. Setelah Rasulullah menyelesaikan solat, baginda memanggilku, dan aku bersumpah, aku tidak pernah melihat seorang guru dan pendidik sebelum dan selepas baginda yang terlebih elok kaedah pengajaran dari baginda. Demi Allah Ta’ala, baginda tidak mengherdikku, memukulku, dan tidak juga menghinaku. Baginda bersabda: Sesungguhnya sembahyang ini tidak harus kita mengeluarkan kata-kata daripada percakapan manusia. Sebaliknya, sembahyang itu adalah tasbih, takbir dan bacaan al-Quran.”

(Muslim 1984: 1277)

Intipati *hadīth* di atas menegaskan bahawa Rasulullah merupakan seorang guru dan pendidik dengan kaedah pengajaran yang hebat (Abdul Fattah, 2011). Baginda sangat bijak dalam menyampaikan isi pelajaran dengan cara tertentu bersesuaian dengan latar belakang pelajar sehingga mereka sangat mudah untuk menerima isi pelajaran yang disampaikan (Abdul Fattah, 2011). Pendekatan yang telah ditunjukkan oleh baginda wajar dijadikan contoh lebih-lebih lagi baginda merupakan teladan yang baik dalam segala aspek termasuklah dalam hal pelaksanaan pengajaran (Ibrahim Mamat, 1997).

1.2 Latar belakang kajian

Kelas Khas Kemahiran Membaca & Menghafaz al-Quran (KKQ) telah ditubuhkan pada tahun 1986 seiring dengan penubuhan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) di seluruh Malaysia (Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, 2008a). Pelaksanaan KKQ bermula secara rasmi selepas diputuskan oleh Jawatankuasa Perancangan Pelajaran (JPP) untuk melaksanakan mata pelajaran ini pada tahun 1985.

Usaha untuk memartabatkan KKQ ditingkatkan dengan menerapkan mata pelajaran ini ke dalam Kelas Aliran Agama (KAA) pada tahun 1992. Kesannya, bilangan pelajar bagi mata pelajaran ini semakin meningkat, peluang pelajar untuk mempelajari al-Quran secara formal pula semakin luas. Secara ringkasnya, kurikulum KKQ terbahagi kepada lima komponen iaitu bidang tajwid, Hafazan, *'ulūm* al-Quran, *qirā'at Sab'at* dan tarannum al-Quran. Mata pelajaran ini merupakan salah satu daripada aktiviti ko-kurikulum yang dilaksanakan di luar waktu rasmi sekolah selama tiga jam seminggu (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2004).

Pelaksanaan KKQ bermatlamat untuk meningkatkan kemahiran membaca (tajwid), menghafaz (Hafazan), memahami dan mendalami seni lagu al-Quran (tarannum), bacaan muktabar (*qirā'at Sab'at*), tafsiran yang jelas (*'ulūm* al-Quran) dan penghayatan yang menyeluruh tentang al-Quran dan isi kandungannya. Kewujudan pelajaran tajwid al-Quran sebagai salah satu daripada komponen pengajian terpenting dalam KKQ bertujuan untuk mendedahkan pelajar kepada pelbagai kaedah pengawalan huruf dan ayat al-Quran mengikut kehendak hukum-hukum tajwid. Para pelajar yang menguasai kemahiran ini akan dapat membaca al-Quran dengan betul

mengikut kaedah dan tata cara bacaan yang dikehendaki (Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, 2005).

Al-Qabisi (1955) menegaskan bahawa ilmu pertama yang perlu dipelajari oleh kanak-kanak ialah ilmu al-Quran. Justeru, ia perlu diajarkan kepada kanak-kanak terlebih dahulu sebelum ilmu-ilmu yang lain kerana ia merupakan asas kepada ilmu-ilmu yang akan dipelajari pada masa-masa akan datang. Pengajaran al-Quran mempunyai ciri khas dan tersendiri berbanding setiap komponen mata pelajaran Pendidikan Islam yang lain. Ia melibatkan kemahiran lisan, kelancaran bacaan, kemahiran *faṣāḥat*, tilawah bertajwid, dan bacaan secara *tadwīr* dan *tartīl* (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2004). Oleh kerana pengajaran al-Quran melibatkan kemahiran, maka pengajaran perlu berorientasikan kepada pengajaran berbentuk arahan, demonstrasi dan perbaikan kesilapan pelajar (Rohizani et al., 2005).

Keberkesanan bagi sebuah proses pengajaran bergantung pada tahap pengetahuan pedagogikal kandungan (PPK) guru bagi suatu mata pelajaran yang diajar (Shulman, 1987). Konsep PPK merupakan cetusan idea daripada Shulman (1986) menerusi projek '*Knowledge Growth in Teaching*' sebagai perspektif yang lebih luas mengenai pengajaran dan pembelajaran. Pengetahuan ini merupakan salah satu daripada tujuh jenis pengetahuan asas bagi seorang guru. Enam jenis pengetahuan yang lain ialah pengetahuan isi kandungan, pengetahuan am, pengetahuan pedagogi am, pengetahuan kurikulum, pengetahuan tentang pelajar, pengetahuan tentang konteks pendidikan dan pengetahuan tentang matlamat akhir pendidikan.